



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN TAHUN 2007

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
DAN PRESTASI KEWANGAN**



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
TAHUN 2007

Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Menteri berkenaan hendaklah membentangkan di Parlimen dengan seberapa segera Penyata Kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Tahunan Badan Berkanun Persekutuan. Selaras dengan peruntukan Akta ini dan Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
2. Jabatan Audit Negara telah menyediakan Laporan Badan Berkanun Persekutuan secara berasingan iaitu Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan serta Laporan Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan adalah untuk melaporkan kedudukan terkini mengenai penyerahan dan pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan tahun 2007. Laporan ini hanya dapat disediakan selepas semua Badan Berkanun Persekutuan menyerahkan Penyata Kewangannya untuk diaudit dan juga selepas Sijil Audit dikeluarkan.
3. Pada tahun 2008, sebanyak 122 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan termasuk Kumpulan Wang bagi tahun kewangan 2007 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Daripada 122 penyata kewangan tahun 2007 yang telah diaudit, sebanyak 116 telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 6 Sijil Berteguran. Sijil Berteguran dikeluarkan kerana Badan Berkanun Persekutuan berkenaan tidak mematuhi piawaian perakaunan semasa menyediakan Penyata Kewangan dan rekod berkaitan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak teratur.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

28 Oktober 2008

PENGENALAN

PENGENALAN

1. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), Badan Berkanun Persekutuan adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun Persekutuan merupakan badan atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.

2. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang memperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktiviti. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act* 1969 (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh membuat pinjaman, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, kumpulan wang, akaun amanah dan melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktiviti manakala sebahagian lagi membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.

3. Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan piawaian perakaunan yang diterima umum. Badan Berkanun Persekutuan adalah tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan sebarang pekeling kerajaan kecuali yang khusus berkaitannya. Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan disedia berdasarkan asas akruan bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember kecuali satu Badan Berkanun Persekutuan yang berakhir 30 Jun. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta

yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktiviti kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen dengan segera.

4. Sehingga bulan September 2008, sebanyak 118 Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Senarai Badan Berkanun Persekutuan berkenaan adalah seperti di **Lampiran A**.

PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN

1. PENDAHULUAN

1.1 Pada tahun 2008, sebanyak 118 Badan Berkanun Persekutuan perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Selain itu, Ketua Audit Negara juga mengaudit 12 Kumpulan Wang. Pada bulan Ogos 1999, Jemaah Menteri telah memberi pengecualian kepada Perbadanan Padang Golf Subang daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktivitiya bagi tahun 1968 hingga 1999 kerana ia akan dibubarkan. Sehingga kini, didapati proses pembubaran masih belum selesai. Perbadanan dinasihat memohon pengecualian Jemaah Menteri daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktivitiya bagi tahun 2000 hingga 2008. Setakat 30 September 2008, Jabatan Audit Negara telah mengaudit 122 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan tahun 2007. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2007 untuk diaudit.

1.2 Sebanyak dua Badan Berkanun Persekutuan baru ditubuhkan pada tahun 2007 iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan tidak menyediakan penyata kewangan kerana segala urusan kewangan masih dikendalikan oleh Jabatan Akauntan Negara. Tiga Badan Berkanun Persekutuan iaitu Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur belum beroperasi lagi.

1.3 Pada tahun 2008, Jabatan Audit Negara mengaudit 22 daripada 122 penyata kewangan tahun 2007 manakala baki 100 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.4 Bagi memastikan firma audit swasta menjalankan pengauditan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Prosedur Kualiti dan Arahan Kerja Badan Berkanun Persekutuan yang antaranya menetapkan panduan penyediaan Memorandum Rancangan Audit, pemantauan pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta, proses semakan semula kertas kerja dan penyediaan Sijil Ketua Audit Negara.

2. PENYERAHAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun tahun berikutnya. Bagi mempercepatkan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan di Parlimen, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 bagi menggantikan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 15 Tahun 1994 yang menghendaki Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan Penyata Kewangan pada tahun yang sama. Selaras dengan pekeliling ini, Jabatan Audit Negara telah menetapkan penyata kewangan disahkan dalam tempoh 4 bulan selepas tarikh penerimaan penyata kewangan tersebut.

Sebanyak 119 Penyata Kewangan telah diterima sebelum 30 April 2008, manakala tiga Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 Jun 2008 dan dua selepas 30 Jun 2008. Ketiga-tiga Badan Berkanun Persekutuan telah memohon lanjutan masa dan pihak Perbendaharaan telah meluluskan berdasarkan alasan yang diberi. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah memohon kelulusan untuk lanjutan masa penyerahan penyata kewangan tahun 2007 oleh Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan dan Menteri Kewangan selaras dengan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980. Sehingga kini FINAS dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2007 untuk diaudit. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG LEWAT MENGEMUKAKAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2007

NAMA AGENSI	TARIKH MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	SEBAB KELEWATAN
Yayasan Tun Razak	27.5.08	27	Menunggu jawapan ejen percukaian untuk menetapkan jumlah peruntukan cukai yang perlu dibayar pada tahun 2007
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	21.5.08	21	Kelewatan penyediaan penyata kewangan
Kumpulan Wang Jubli Perak Malaysia dan Seberang Prai	2.6.08	33	Kelewatan mendapat kelulusan Lembaga
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia	-	>90	Belum mengemukakan penyata kewangan sehingga 30 September 2008
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	-	>90	Belum mengemukakan penyata kewangan sehingga 30 September 2008

2.1 PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Berdasarkan pengauditan terhadap 122 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2007, 116 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 6 Sijil Berteguran. Kedudukan jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara berdasarkan pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2
KEDUDUKAN JENIS SIJIL YANG DIKELUARKAN
BAGI PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

JENIS SIJIL	TAHUN		
	2005	2006	2007
Tanpa Teguran	105	106	116
Berteguran	6	9	6
Adverse	1	-	-
JUMLAH	112	115	122

Selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan, Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan dibahagi kepada 4 jenis seperti berikut:

2.1.1 Sijil Tanpa Teguran apabila penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama;

2.1.2 Sijil Berteguran apabila kesan sebarang perbezaan pendapat dengan pengurusan atau kekangan terhadap skop adalah tidak begitu material dan menyeluruh untuk mengeluarkan sijil *adverse* ataupun *disclaimer*;

2.1.3 Sijil *Adverse* apabila kesan perbezaan pendapat adalah material dan menyeluruh terhadap penyata kewangan, mewujudkan kekeliruan ataupun ketidaksempurnaan penyata kewangan dan seterusnya tidak memberi gambaran benar dan saksama; dan

2.1.4 Sijil *Disclaimer* apabila kesan yang mungkin timbul oleh kekangan terhadap skop adalah material dan menyeluruh menyebabkan bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan.

Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang diberi Sijil Berteguran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3
PENYATA KEWANGAN YANG DIBERI SIJIL BERTEGURAN

NAMA AGENSI
Lembaga Pembangunan Langkawi
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Perbadanan Aset Keretapi
Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang
Lembaga Pelabuhan Kelang
Perbadanan Labuan

Sijil Berteguran yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara terhadap 6 penyata kewangan di jadual 3 antaranya menyentuh perkara berikut:

a. Pematuhan Kepada Piawaian Perakaunan

Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki menyediakan penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama. Lembaga Pembangunan Langkawi hanya mengiktiraf kos rumah berdasarkan nilai *Bill of Quantity* bagi rumah di Taman Nilam tanpa mengambil kira kos lain seperti kos tanah, kos infrastruktur dan kos lain yang berkaitan dengan projek. Ini menyebabkan nilai kos inventori telah terkurang nyata sejumlah RM5.58 juta. Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang tidak memperuntukkan hutang ragu bagi sewa tertunggak walaupun telah ditegur pada tahun 2006. Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang yang disatukan tidak dapat disahkan kerana penyatuan adalah berdasarkan penyata kewangan syarikat subsidiari PKFZ Sdn Berhad yang belum diaudit. Perbadanan Aset Keretapi masih belum membuat pengiraan cukai tahunan dan belum mengemukakan penyata tahunan selaras dengan kehendak Akta Cukai Pendapatan, 1967. Di samping itu, pengiraan cukai tertunda seperti yang dikehendaki oleh MASB 25 tidak disediakan. Penyata Kewangan syarikat subsidiari Perbadanan Labuan iaitu LDA Labuan (Holdings) Sdn Berhad telah tidak disatukan dengan syarikat bersekutu mengikut kaedah ekuiti.

b. Penyelenggaraan Rekod Perakaunan

Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan bertanggungjawab untuk menentukan rekod perakaunan diselenggarakan dengan lengkap dan teratur. Bagaimanapun, rekod-rekod perakaunan di beberapa Badan Berkanun Persekutuan didapati tidak diselenggara dengan memuaskan seperti berikut:

i. Lembaga Pembangunan Langkawi

Hasil pelbagai termasuk hasil jualan rumah Taman Nilam sejumlah RM8.01 juta dan hutang pembeli rumah sejumlah RM7.04 juta tidak

dapat disahkan kerana terdapat perbezaan rekod jualan antara Bahagian Kewangan dan Bahagian Pentadbiran.

ii. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Baki keseluruhan penghutang pinjaman pendidikan berjumlah RM14.51 bilion tidak dapat disahkan kerana terdapat akaun tergantung berjumlah RM7.44 juta. Ini disebabkan perbezaan jumlah antara baki akaun kawalan dengan baki akaun individu yang belum dikenal pasti oleh Perbadanan. Selain itu, pemiutang terimaan bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perbadanan yang masih tidak dapat dikenal pasti pemilik sebenar berjumlah RM17.35 juta. Perkara ini masih dalam pertimbangan Perbadanan untuk memulangkan jumlah tersebut kepada pihak berkenaan.

iii. Perbadanan Aset Keretapi

Ketepatan pembayaran projek yang dibuat oleh Kerajaan bagi pihak Perbadanan tidak dapat disahkan kerana terdapat jumlah perbezaan di lejar am dan jadual pembayaran yang disediakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad sejumlah RM501.18 juta. Di samping itu, ketepatan baki penghutang sewaan tanah milik dan rizab tidak dapat disahkan kerana perbezaan masing-masing berjumlah RM0.27 juta dan RM0.15 juta antara lejar am dan senarai penghutang.

iv. Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang

Lembaga masih tidak merekodkan sumbangan orang awam berbentuk barangan berharga sebagai aset.

2.2 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DI PARLIMEN

Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri bagi tempoh satu bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera. Setakat bulan September 2008, kebanyakan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan Tahun 2007 Badan Berkanun Persekutuan yang telah diaudit sedang dalam proses pembentangan di Parlimen. Jabatan Audit Negara akan memantau status pembentangan penyata kewangan di Parlimen. Sehingga 30 September 2008, semua Badan Berkanun Persekutuan telah membentangkan penyata kewangan tahun 2006.

3. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan syarikat subsidiari dilaporkan seperti berikut:

3.1 PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah berdasarkan penyata kewangan 110 Badan Berkanun Persekutuan tahun 2007. Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilapor mengikut Kementerian berdasarkan analisis pendapatan, prestasi pemberian geran, pendapatan janaan sendiri, lebihan/(kurangan) pendapatan, kumpulan wang terkumpul, aset dan liabiliti serta tanggungan luar jangka. Di samping itu, prestasi 114 syarikat subsidiari milik 37 Badan Berkanun Persekutuan turut dilaporkan. Perubahan angka perbandingan juga telah dibuat untuk mengambil kira pelarasan tahun lepas oleh Badan Berkanun Persekutuan yang berkaitan. Analisis Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2007 adalah seperti di jadual berikut:


JADUAL 4
ANALISIS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2007

KEMENTERIAN	BILANGAN BBP
Belia dan Sukan	2
Jabatan Perdana Menteri	7
Kerja Raya	2
Kesihatan	1
Kewangan	11
Pelajaran	3
Pelancongan	1
Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah	5
Pembangunan Usahawan dan Koperasi	3
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2
Penerangan	1
Pengajian Tinggi	23
Pengangkutan	11
Perdagangan Antarabangsa dan Industri	4
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	2
Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	2
Pertahanan	4
Pertanian dan Industri Asas Tani	9
Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8
Sains, Teknologi dan Inovasi	1
Sumber Asli dan Alam Sekitar	3
Sumber Manusia	2
Tenaga, Air dan Komunikasi	1
Wilayah Persekutuan	2
JUMLAH	110

3.1.1 Analisis Pendapatan


3.1.1.1 Pada tahun 2007, pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM60.30 bilion. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM8.70 bilion atau 16.9% berbanding RM51.60 bilion pada tahun 2006. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM50.15 bilion atau 83.2% berbanding geran mengurus sejumlah RM10.15 bilion atau 16.8 %. Carta di bawah menunjukkan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kategori pada tahun 2006 dan 2007.

CARTA 1
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KATEGORI PADA TAHUN 2006 DAN 2007



3.1.1.2 Pada tahun 2007, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh pendapatan tertinggi sejumlah RM32.05 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi sejumlah RM8.58 bilion, Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM5.33 bilion dan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi sejumlah RM2.86 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain merangkumi RM11.47 bilion daripada jumlah keseluruhan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2007. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007




3.1.1.3 Peningkatan pendapatan yang diperoleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM2.74 bilion atau 9.3% manakala Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi memperoleh peningkatan sejumlah RM1.71 bilion atau 24.9%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri turut mengalami peningkatan sejumlah RM1.91 bilion atau 56%. Bagaimanapun, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi mengalami penurunan pendapatan sejumlah RM304.76 juta atau 9.6%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.74 bilion atau 29.8%.

3.1.2 Analisis Geran Mengurus

3.1.2.1 Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan kepada Badan Berkanun Persekutuan sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai Badan Berkanun Persekutuan serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran.

3.1.2.2 Pada tahun 2007, geran mengurus yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM10.20 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM1.81 bilion atau 21.6% berbanding RM8.39 bilion pada tahun 2006. Pada keseluruhannya, penerimaan geran mengurus oleh Badan Berkanun Persekutuan tidak menunjukkan perubahan yang ketara. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi menerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM6.18 bilion. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan berjumlah RM855.62 juta, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berjumlah RM749.50 juta dan seterusnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjumlah RM593.25 juta. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain menerima geran mengurus berjumlah RM1.82 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

CARTA 3
GERAN MENGURUS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT
KEMENTERIAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007



3.1.2.3 Berdasarkan carta 3, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mencatatkan peningkatan penerimaan geran mengurus tertinggi sejumlah RM1.33 bilion atau 27.3% yang meliputi sebanyak 81.5% daripada jumlah peningkatan keseluruhan penerimaan geran mengurus pada tahun 2007. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Kementerian Kewangan, Kementerian Pelancongan serta kementerian lain mencatatkan peningkatan sejumlah RM446.13 juta atau 18.9%.

3.1.2.4 Analisis mendapati Universiti Teknologi MARA merupakan penerima geran mengurus tertinggi sejumlah RM1.51 bilion pada tahun 2007. Ini diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia sejumlah RM823.48 juta, Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM811.98 juta dan Majlis Amanah Rakyat sejumlah RM749.50 juta.

3.1.2.5 Badan Berkanun Persekutuan yang menerima tambahan geran mengurus tertinggi pada tahun 2007 adalah Universiti Teknologi MARA sejumlah RM447.04 juta, diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia sejumlah RM169.14

juta, Universiti Sains Malaysia sejumlah RM166.74 juta dan Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM130.33 juta.

3.1.2.6 Pada tahun 2007, terdapat beberapa Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menerima geran mengurus yang lebih rendah berbanding tahun lepas. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan menerima geran mengurus sejumlah RM57.36 juta berbanding RM176.43 juta pada tahun 2006 dengan penurunan sejumlah RM119.08 juta atau 67.5%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerima geran mengurus sejumlah RM593.25 juta berbanding RM604.32 juta pada tahun 2006 dengan penurunan sejumlah RM11.07 juta atau 1.8%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan pula menerima geran mengurus sejumlah RM15.64 juta berbanding RM26.16 juta pada tahun 2006 dengan penurunan sejumlah RM10.53 juta atau 40.2%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menerima geran mengurus sejumlah RM47.24 juta berbanding RM56.57 juta pada tahun 2006 dengan penurunan sejumlah RM9.32 juta atau 2.9%. Penurunan geran mengurus sejumlah RM3.29 juta atau 2.6% dari tahun 2006 diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi iaitu RM123.38 juta berbanding RM126.67 juta pada tahun sebelumnya.

3.1.2.7 Seperti pada tahun 2006, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menerima sebarang geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2007.


3.1.2.8 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Daripada 110 Badan Berkanun Persekutuan, sebanyak 66 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus daripada Kerajaan yang merangkumi 16.8 % daripada jumlah pendapatan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan. Sebanyak 44 Badan Berkanun Persekutuan yang lain tidak menerima geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2007.

3.1.3 Analisis Pendapatan Janaan Sendiri

3.1.3.1 Pendapatan janaan sendiri merupakan hasil yang diperoleh daripada aktiviti seperti pelaburan dalam syarikat subsidiari, ekuiti, sekuriti, bon, pengurus

dana, simpanan tetap, pemberian pinjaman, yuran pengajian, jualan produk pertanian dan perkhidmatan. Sebilangan kecil Badan Berkanun Persekutuan menerima sumbangan daripada agensi bukan Kerajaan. Carta berikut menunjukkan pendapatan janaan sendiri oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2006 dan 2007.

CARTA 4
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007



3.1.3.2 Penyumbang pendapatan janaan sendiri tertinggi adalah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan yang menjana sejumlah RM31.20 bilion pada tahun 2007 yang mana merangkumi 62.2% daripada jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM5.29 bilion, Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM2.63 bilion dan Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM2.40 bilion. Jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain adalah RM8.64 bilion.

3.1.3.3 Pada tahun 2007, sebanyak 8 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh pendapatan janaan sendiri melebihi RM1 bilion iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM17.77 bilion, Bank Negara Malaysia berjumlah RM8.49 bilion, Kumpulan Wang Persaraan berjumlah RM3.75 bilion, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah RM3.21 bilion, Pertubuhan

Keselamatan Sosial berjumlah RM2.61 bilion, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia berjumlah RM2.39 bilion, Lembaga Tabung Haji berjumlah RM1.86 bilion dan Lembaga Kelapa Sawit Malaysia berjumlah RM1.27 bilion.

3.1.4 Analisis Lebihan/(Kurangan) Pendapatan


3.1.4.1 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan sejumlah RM34.66 bilion pada tahun 2007 iaitu peningkatan sejumlah RM13.02 bilion atau 60.2% berbanding RM21.64 bilion pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2007, sebanyak 93 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh keuntungan sejumlah RM35.24 bilion berbanding 83 Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh keuntungan sejumlah RM22 bilion pada tahun 2006. Sebanyak 17 Badan Berkanun Persekutuan mengalami kerugian sejumlah RM577.75 juta berbanding 21 Badan Berkanun Persekutuan dengan kerugian sejumlah RM361.57 juta pada tahun 2006. Jadual 5 menunjukkan prestasi lebihan/(kurangan) pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2006 dan 2007.

JADUAL 5
PRESTASI LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007

TAHUN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN		BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.
2006	22,004.54	83	(361.57)	(21)	21,642.97	104
2007	35,241.65	93	(577.75)	(17)	34,663.90	110
VARIANS	13,237.11	60.2%	(216.18)	(59.8%)	13,020.93	60.2%

3.1.4.2 Prestasi Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh lebihan pendapatan tertinggi berjumlah RM27.56 bilion atau 79.5% daripada jumlah keseluruhan lebihan pendapatan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM1.92 bilion, Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM1.40 bilion dan Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM1.35 bilion. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut :

CARTA 5
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007



3.1.4.3 Analisis selanjutnya mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan peningkatan lebih pendapatan paling ketara sejumlah RM10.36 bilion menjadi RM27.56 bilion berbanding RM17.20 bilion pada tahun 2006. Ini disebabkan oleh peningkatan lebih pendapatan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejumlah RM3.43 bilion menjadi RM16.87 bilion dan Bank Negara Malaysia sejumlah RM3.20 bilion menjadi RM6.66 bilion pada tahun 2007. Peningkatan lebih pendapatan ini turut disumbang lebih pendapatan sejumlah RM3.72 bilion oleh Kumpulan Wang Persaraan yang baru diletakkan di bawah Kementerian Kewangan.

3.1.4.4 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan mencatatkan penurunan lebih pendapatan dengan ketara berjumlah RM177.57 juta atau melebihi 100% sehingga mengalami pengurangan pendapatan iaitu RM148.56 juta berbanding RM29 juta lebih pendapatan yang diperoleh pada tahun 2006. Ini disebabkan oleh pengurangan pendapatan yang dialami oleh agensi tunggal Kementerian berkenaan iaitu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Begitu juga Lembaga Hasil Dalam Negeri yang turut mengalami penurunan lebih pendapatan sejumlah RM86.18 juta sehingga mengalami pengurangan pendapatan iaitu RM44.82 juta berbanding lebih pendapatan RM41.36 juta pada tahun 2006. Perbadanan Aset Keretapi yang diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan mengalami penurunan


lebih pendapatan sejumlah RM163.40 juta menjadi RM31.90 juta berbanding RM195.30 juta pada tahun 2006.

3.1.4.5 Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2007 adalah baik dengan peningkatan pendapatan sejumlah RM8.70 bilion atau 16.9% menjadi RM60.30 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh pendapatan janaan sendiri sejumlah RM50.15 bilion atau 83.2% daripada jumlah pendapatan Badan Berkanun Persekutuan. Bilangan Badan Berkanun Persekutuan yang mengalami kerugian berkurang kepada 17 berbanding 21 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2006.

3.1.5 Analisis Kumpulan Wang Terkumpul

3.1.5.1 Kumpulan wang terkumpul Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2007 adalah berjumlah RM151.40 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM18.83 bilion atau 14.2% berbanding RM132.57 bilion pada tahun 2006. Kumpulan wang terkumpul ini terdiri daripada modal berbayar, rizab am, lebihan/(kurangan) pendapatan semasa dan yang dibawa dari tahun sebelumnya. Ini tidak mengambil kira kumpulan wang lain seperti Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Carta berikut menunjukkan jumlah kumpulan wang terkumpul Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2007 berbanding tahun 2006.

**CARTA 6
KUMPULAN WANG TERKUMPUL BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007**



3.1.5.2 Berdasarkan carta 6, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai kumpulan wang terkumpul yang tertinggi berjumlah RM44.28 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM28.17 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM22.39 bilion dan Kementerian Pengangkutan berjumlah RM19.83 bilion.

3.1.5.3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan iaitu Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia mencatatkan penurunan paling ketara sejumlah RM148.56 juta atau 133.91% menjadi defisit RM37.63 juta berbanding RM110.93 juta pada tahun 2006. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan turut mengalami penurunan sejumlah RM33.62 juta menjadi RM376.99 juta diikuti Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dengan penurunan sejumlah RM20.36 juta menjadi RM251 juta.

3.1.5.4 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi menunjukkan peningkatan sejumlah RM794.84 juta atau 40.6% menjadi RM2.75 bilion. Ini disebabkan peningkatan kumpulan wang terkumpul Lembaga Minyak Sawit Malaysia sejumlah RM667.99 juta atau 67% menjadi RM1.66 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menunjukkan peningkatan kumpulan wang terkumpul sejumlah RM43.84 juta menjadi RM157.34 diikuti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan peningkatan sejumlah RM118.58 juta menjadi RM447.76 juta.


3.1.5.5 Sehingga 31 Disember 2007, sebanyak 3 Badan Berkanun Persekutuan masih mengalami defisit kumpulan wang terkumpul sejak tahun 2005. Badan Berkanun Persekutuan tersebut adalah Bank Pertanian Malaysia berjumlah RM587.63 juta, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan berjumlah RM88.55 juta dan Lembaga Lebuhraya Malaysia berjumlah RM87.13 juta. Daripada 3 Badan Berkanun Persekutuan tersebut, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Lembaga Lebuhraya Malaysia masih menunjukkan pengurangan defisit kumpulan wang terkumpul seperti tahun lepas iaitu masing-masing sejumlah RM47.85 juta dan RM2.99 juta. Langkah segera perlu diambil bagi meningkatkan prestasi kewangan supaya tidak menjejaskan usaha berterusan Badan Berkanun Persekutuan tersebut.

3.1.6 Analisis Aset

3.1.6.1 Aset Badan Berkanun Persekutuan merupakan aset semasa dan bukan semasa yang terdiri daripada hartanah dan peralatan, pelaburan syarikat subsidiari dan bersekutu, penghutang, tunai dan simpanan tetap.

3.1.6.2 Pada tahun 2007, aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM79.86 bilion menjadi RM975.90 bilion. Kedudukan aset Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian ditunjukkan di carta berikut:


**CARTA 7
PERATUSAN ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN**



3.1.6.3 Berdasarkan carta 7, sebanyak 84% merupakan aset Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan berjumlah RM793.46 bilion diikuti oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sebanyak 4.2% yang berjumlah RM44.53 bilion. Nilai aset tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah Bank Negara Malaysia berjumlah RM424.88 bilion diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM318.30 bilion.

3.1.6.4 Aset utama Badan Berkanun Persekutuan adalah merupakan pelaburan, wang tunai dan simpanan tetap. Pelaburan Badan Berkanun Persekutuan pula terdiri daripada pelaburan ekuiti, pasaran wang, hartanah, bon, Sekuriti Kerajaan Malaysia serta pemberian pinjaman. Berdasarkan analisis, pelaburan Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM605.11 bilion atau 62% daripada jumlah keseluruhan aset. Ini menunjukkan peningkatan pelaburan sejumlah RM47.04 bilion atau 8.4% berbanding RM558.07 bilion pada tahun 2006. Carta berikut menunjukkan pelaburan mengikut kementerian:

CARTA 8
PERATUSAN PELABURAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN




3.1.6.5 Pada tahun 2007, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM557.61 bilion atau 92.2% daripada jumlah keseluruhan pelaburan Badan Berkanun Persekutuan. Di bawah Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM282.44 bilion diikuti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM228.55 bilion.

3.1.6.6 Badan Berkanun Persekutuan yang menunjukkan peningkatan pelaburan yang tertinggi adalah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sejumlah RM10.34 bilion atau melebihi 100% menjadi RM11.36 bilion berbanding RM1.02 bilion pada tahun 2006. Peningkatan pelaburan turut diikuti oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia sejumlah RM26.56 juta atau melebihi 100% menjadi RM33.48 juta berbanding RM3.93 juta pada tahun 2006.

3.1.6.7 Komponen aset kedua tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah wang tunai dan simpanan tetap berjumlah RM197.62 bilion yang mewakili 20.3% daripada jumlah aset. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM81.60 bilion atau 70.3% berbanding hanya sejumlah RM116.02 bilion yang dimiliki pada tahun 2006. Kedudukan wang tunai dan simpanan tetap mengikut kementerian adalah seperti di carta berikut:

CARTA 9
PERATUSAN WANG TUNAI DAN SIMPANAN TETAP
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN




3.1.6.8 Berdasarkan carta 9, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memiliki wang tunai dan simpanan tetap yang tertinggi iaitu RM163.91 bilion atau 83%. Bank Negara Malaysia merupakan pemegang wang tunai dan simpanan tetap tertinggi berjumlah RM134.90 bilion diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM20.10 bilion.

3.1.6.9 Universiti Sains Islam Malaysia di bawah Kementerian Pengajian Tinggi telah menunjukkan peningkatan tunai dan simpanan tetap yang ketara melebihi 100% iaitu meningkat sejumlah RM91.70 juta menjadi RM103.24 juta berbanding RM11.54 juta pada tahun 2006.

3.1.7 Analisis Liabiliti

3.1.7.1 Liabiliti jangka panjang dan jangka pendek Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada komponen utama seperti pinjaman, overdraf, pemiutang, deposit dan pendahuluan. Pada tahun 2007, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan meningkat sejumlah RM100.20 bilion atau 27.5% daripada RM364.85 bilion pada tahun 2006 menjadi RM465.05 bilion. Kedudukan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian ditunjukkan di carta berikut:

CARTA 10
PERATUSAN LIABILITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN




3.1.7.2 Berdasarkan carta 10, Kementerian Kewangan mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM396.49 bilion atau 85.3% daripada jumlah keseluruhan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, Bank Negara Malaysia mempunyai liabiliti tertinggi sejumlah RM395.13 bilion yang antaranya terdiri daripada deposit oleh bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar, deposit oleh Kerajaan Malaysia dan deposit lain.

3.1.7.3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang-Teluk EWA telah mengalami peningkatan liabiliti yang ketara melebihi 100% iaitu sejumlah RM3.16 juta berbanding RM0.01 juta pada tahun 2006. Punca peningkatan liabiliti disebabkan oleh peningkatan pemiutang dan tanggungan terakru pada tahun 2007.

3.1.7.4 Penurunan ketara jumlah liabiliti ditunjukkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang menurun sejumlah RM3.61 juta atau 95% menjadi RM0.18 juta berbanding RM3.79 juta pada tahun 2006.

3.1.7.5 Berdasarkan analisis, pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM13.68 bilion iaitu 2.9% daripada jumlah liabiliti pada tahun 2007. Pinjaman ini telah mencatatkan penurunan sejumlah RM1.08 bilion atau 7.3% berbanding RM14.76 bilion pada tahun sebelumnya. Analisis menunjukkan hanya 27 daripada 110 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai pinjaman setakat 31 Disember 2007. Carta berikut menunjukkan pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian:

CARTA 11
PERATUSAN PINJAMAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN



3.1.7.6 Berdasarkan carta 11, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai pinjaman tertinggi berjumlah RM9.63 bilion atau 70.4%, diikuti oleh Kementerian Pengangkutan berjumlah RM1.27 bilion atau 9.3% dan Kementerian Kerja Raya berjumlah RM771.44 juta atau 5.6%.

3.1.7.7 Pada tahun 2007, peningkatan pinjaman yang ketara ditunjukkan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertahanan iaitu Perbadanan Perwira Niaga Malaysia dengan peningkatan sejumlah RM11.79 juta melebihi 100%. Punca utama peningkatan adalah disebabkan Perbadanan ini telah memperoleh kemudahan pinjaman bank. Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah Kementerian Pengajian Tinggi telah mengalami penurunan pinjaman sebanyak 42% atau sejumlah RM4.88 juta.

3.1.7.8 Pada tahun 2007 terdapat 2 Badan Berkanun Persekutuan membuat pinjaman baru iaitu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dibawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan berjumlah RM0.37 juta dan LGM Properties Corporation dibawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi berjumlah RM0.11 juta.

3.1.8 Analisis Tanggungan Luar Jangka

3.1.8.1 Setakat 31 Disember 2007, sebanyak 22 daripada 110 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai tanggungan luar jangka berjumlah RM9.99 bilion dengan pengurangan sejumlah RM6.34 bilion atau 38.6% berbanding RM16.42 bilion pada tahun 2006. Bank Negara Malaysia mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi berjumlah RM7.35 bilion diikuti oleh Lembaga

Kemajuan Wilayah Pulau Pinang berjumlah RM1.27 bilion dan Bank Simpanan Nasional berjumlah RM0.62 bilion.

3.1.8.2 Tanggungan luar jangka Bank Negara Malaysia merupakan kewajipan membayar sepenuhnya jumlah kuota Malaysia di Tabung Kewangan Antarabangsa berjumlah RM7.28 bilion dan bayaran terhadap bahagian yang belum dipanggil berjumlah RM63.12 juta bagi 3,220 unit saham yang dipegang di *Bank For International Settlement*. Sebahagian besar tanggungan luar jangka PERDA adalah disebabkan oleh tuntutan pihak ketiga terhadap kegagalan PERDA untuk melaksanakan projek penswastaan. Tanggungan luar jangka BSN disebabkan oleh komitmen tidak boleh batal bagi pemberian kredit, komitmen modal dan amaun yang dijamin oleh bank. Butiran lanjut mengenai 6 Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6
TANGGUNGAN LUAR JANGKA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

NAMA AGENSI	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Bank Negara Malaysia	7,487.72	7,345.91
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang	1,266.43	1,265.16
Bank Simpanan Nasional	621.21	622.26
Majlis Amanah Rakyat	416.16	416.54
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	57.98	90.76
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	102.35	61.30
JUMLAH	9,951.85	9,801.83

3.2 PRESTASI PENGGUNAAN GERAN PEMBANGUNAN

Pada tahun 2007, sebanyak 51 daripada 110 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM4.71 bilion. Jumlah ini menurun berbanding tahun 2006 yang mana 54 daripada 104 Badan Berkanun Persekutuan tersebut telah menerima geran pembangunan berjumlah RM5.21 bilion. Analisis prestasi penggunaan geran pembangunan dibuat terhadap Badan Berkanun Persekutuan di bawah 4 Kementerian iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Analisis menunjukkan perkara berikut :

3.2.1 Kementerian Pengajian Tinggi

Geran pembangunan yang di salur kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi adalah untuk melaksana projek pembinaan kampus tetap universiti, menaik taraf bangunan, membaik pulih peralatan, membeli

kelengkapan pendidikan, peralatan makmal, penyelidikan dan meningkatkan rangkaian komunikasi maklumat. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2007 berjumlah RM1.73 bilion berbanding tahun 2006 sejumlah RM1.55 bilion selepas pelarasan iaitu peningkatan RM181.53 juta atau 11.7%. Universiti Teknologi MARA merupakan penerima geran pembangunan tertinggi bagi tahun 2007 iaitu berjumlah RM447.29 juta berbanding RM287.54 juta pada tahun 2006. Penerimaan geran ini adalah khusus untuk pembangunan kampus, kemudahan peralatan pengajaran dan penyelidikan. Perbelanjaan sebenar bagi program pembangunan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian ini berjumlah RM471.79 juta. Daripada jumlah tersebut, Universiti Malaysia Sabah membelanjakan RM93.19 juta iaitu perbelanjaan tertinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Analisis menunjukkan perbelanjaan geran pembangunan Universiti Malaysia Sabah adalah khusus untuk pembangunan kampus dan pembelian peralatan. Baki geran pembangunan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada akhir tahun 2007 berjumlah RM10.88 bilion.

3.2.2 Kementerian Pengangkutan

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan adalah untuk pembangunan dan pembinaan termasuk penyenggaraan infrastruktur bagi penggalakan industri pengangkutan serta pembiayaan aset. Pada tahun 2007, hanya 2 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan menerima geran pembangunan iaitu Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Perbadanan Aset Keretapi. Jumlah geran pembangunan yang diterima adalah RM1.50 bilion iaitu pertambahan sejumlah RM1.18 bilion atau peningkatan melebihi 100% berbanding RM314.08 juta yang diterima dalam tahun 2006. Perbadanan Aset Keretapi menerima geran tertinggi berjumlah RM1.49 bilion daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. Geran yang diterima adalah untuk pembiayaan projek penyenggaraan infrastruktur kereta api. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan adalah berjumlah RM8.96 bilion berbanding RM7.60 bilion pada tahun 2006. Ini adalah kerana masih terdapat projek-projek yang belum dipermodalkan sebagai aset tetap memandangkan projek belum selesai sepenuhnya.

3.2.3 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah menaik taraf kemudahan pertanian, membangunkan kemudahan penyelidikan, membaik pulih peralatan dan pembangunan projek khas. Geran pembangunan yang diterima oleh

semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada tahun 2007 berjumlah RM296.79 juta berbanding RM311.12 juta pada tahun sebelumnya. Badan Berkanun Persekutuan yang menerima geran tertinggi adalah Lembaga Pertubuhan Peladang berjumlah RM94.80 juta. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian ini berjumlah RM977.28 juta pada akhir tahun 2007 belum dibelanjakan sepenuhnya.

3.2.4 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkumi pendidikan, pembangunan usahawan, pengangkutan luar bandar dan koperasi. Jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada tahun 2007 adalah berjumlah RM460.40 juta. Baki geran yang masih belum dibelanjakan adalah berjumlah RM7.57 bilion bagi tahun 2007. Majlis Amanah Rakyat merupakan penerima geran yang tertinggi iaitu berjumlah RM457.50 juta. MARA membelanjakan geran pembangunannya bagi perbelanjaan sektor utama seperti sektor usahawan dan pendidikan. Ini termasuklah perbelanjaan bagi program keusahawanan, pembiayaan perniagaan dan pembinaan premis perniagaan.

3.3 PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI

3.3.1 Pada tahun 2007, secara keseluruhannya sebanyak 37 Badan Berkanun Persekutuan telah melabur dalam 114 syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti melebihi 51% berbanding 117 syarikat subsidiari pada tahun 2006. Sebanyak 69 daripada 114 syarikat subsidiari telah mencatat keuntungan berjumlah RM1,666.36 juta pada tahun 2007. Keuntungan syarikat subsidiari ini telah meningkat sejumlah RM227.44 juta atau 15.8% berbanding RM1,438.92 juta pada tahun 2006, manakala 45 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian berjumlah RM97.30 juta pada tahun 2007 berbanding kerugian pada tahun 2006 berjumlah RM64.60 juta bagi 41 syarikat subsidiari. Kedudukan syarikat subsidiari yang mengalami keuntungan dan kerugian pada tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN SYARIKAT SUBSIDIARI

TAHUN	KEUNTUNGAN		KERUGIAN	
	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)
2006	59	1,438.92	41	(64.60)
2007	69	1,666.36	45	(97.30)

3.3.2 Berdasarkan analisis terhadap 114 syarikat subsidiari pada tahun 2007, sebanyak 87 syarikat subsidiari adalah aktif dari segi operasi, 12 baru ditubuhkan, 3 telah berhenti operasi dan 12 tidak aktif.

3.4 RUMUSAN

3.4.1 Pada tahun 2007, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan secara keseluruhannya adalah baik. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM60.30 bilion meningkat sejumlah RM8.70 bilion atau 16.9% berbanding RM51.60 bilion pada tahun 2006. Sebahagian besar peningkatan ini merupakan pendapatan janaan sendiri iaitu RM50.15 bilion atau 83.2% berbanding geran mengurus sejumlah RM10.15 bilion atau 16.8 %. Begitu juga aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM79.86 bilion atau 11.2% menjadi RM975.90 bilion berbanding RM792.93 bilion pada tahun 2006. Bagaimanapun, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat sejumlah RM44.45 bilion atau 12.2% daripada RM364.85 bilion pada tahun 2006 menjadi RM465.05 bilion.

3.4.2 Bagi prestasi penggunaan geran pembangunan di bawah 4 Kementerian, analisis mendapati Kementerian Pengajian Tinggi menerima geran tertinggi melalui Universiti Teknologi MARA berjumlah RM447.29 juta berbanding RM287.54 juta pada tahun 2006. Pada 31 Disember 2007, baki kumpulan wang pembangunan untuk 4 kementerian tersebut adalah berjumlah RM28.48 bilion. Baki kumpulan wang pembangunan yang tinggi ini adalah disebabkan oleh aset yang dibeli masih belum dilunaskan sepenuhnya mengikut jangka hayat aset berkenaan dan projek pembangunan yang belum selesai, terbengkalai atau belum dimulakan.

3.4.3 Di samping itu, prestasi syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya dengan keuntungan meningkat sejumlah RM227.44 juta menjadi RM1.66 bilion pada tahun 2007. Bagaimanapun, 45 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian pada tahun 2007 yang berjumlah RM97.30 juta berbanding 41 syarikat subsidiari dengan kerugian berjumlah RM64.60 juta pada tahun 2006.

PENUTUP

PENUTUP

Pada keseluruhannya, hampir semua Badan Berkanun Persekutuan dapat mengemukakan penyata kewangan tahun 2007 untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun 2008 seperti yang ditetapkan dalam Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Semua Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 yang memerlukan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan *Financial Reporting Standards* (FRS) dan *Private Entity Reporting Standards* (PERS) berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam pekeling berkenaan.

Prestasi penyediaan penyata kewangan oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah baik. Daripada 122 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2007 yang diaudit, 116 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan hanya 6 Sijil Berteguran. Bagi Badan Berkanun Persekutuan yang menerima Sijil Berteguran, Ketua Eksekutif perlu mengambil tindakan membetulkan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Ini bagi memastikan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Badan Berkanun Persekutuan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

28 Oktober 2008

LAMPIRAN A
**SENARAI KEMENTERIAN,
BADAN BERKANUN DAN
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN**

SENARAI KEMENTERIAN, BADAN BERKANUN DAN KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN

A JABATAN PERDANA MENTERI

- 1 LEMBAGA TABUNG HAJI (**LTH**)
- 2 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (**MAIWP**)
- 3 KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA
DAN YANG DIPERTUA-YANG DIPERTUA NEGERI (**BIASISWA RAJA-RAJA**)
- 4 LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (**FELDA**)
- 5 SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (**SUHAKAM**)
- 6 LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (**PERDA**)
- 7 PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (**IRDA**)
- 8 PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (**NCIA**)
- 9 MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (**ECERDC**)

B KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 10 LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (**LTAT**)
- 11 PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (**PERNAMA**)
- 12 PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (**PPHM**)
- 13 PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (**PERHEBAT**)

C KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- 14 PERBADANAN ASET KERETAPI (**PAK**)
- 15 LEMBAGA PELABUHAN KELANG (**LPK**)
- 16 SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (**SPPP**)
- 17 LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (**LPKUANTAN**)

- 18 LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (**LP JOHOR**)
- 19 LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (**LP BINTULU**)
- 20 LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN (**LP KEMAMAN**)
- 21 LEMBAGA PELABUHAN JOHOR TANJONG PELEPAS (**LPJOHOR-TG. PELEPAS**)
- 22 SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - TELUK EWA (**SPPP - TELUK EWA**)
- 23 LEMBAGA PELABUHAN MELAKA (**LPM**)
- 24 INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (**MIROS**)

D KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

- 25 LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN TIMAH (**TIMAH**)
- 26 LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA (**JURUKUR**)
- 27 LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA (**FRIM**)

E KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

- 28 LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (**LPPKN**)
- 29 LEMBAGA WAKAF HINDU PULAU PINANG (**WAKAF HINDU**)

F KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

- 30 PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (**MPC**)
- 31 LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (**MIDA**)
- 32 PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (**MATRADE**)
- 33 PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (**SMIDEC**)

G KEMENTERIAN KEWANGAN

- 34 BANK NEGARA MALAYSIA (**BNM**)
- 35 KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (**KWSP**)

36	BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)
37	LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA (LTM)
38	YAYASAN TUN RAZAK (YTR)
39	LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)
40	INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA (MIA)
41	LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN (LOFSA)
42	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)
43	PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)
44	KUMPULAN WANG PERSARAAN (KWAP)

H KEMENTERIAN PENERANGAN

45	PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)
----	--

I KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

46	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
47	PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)

J KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

48	LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)
49	LGM PROPERTIES CORPORATION (LGMPC)
50	RRIM CONSULT CORPORATION
51	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
52	LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (LTN)
53	LEMBAGA KOKO MALAYSIA (KOKO)
54	LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)
55	LEMBAGA LADA MALAYSIA (MPB)

K KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- 56 BANK PERTANIAN MALAYSIA (**BPM**)
- 57 LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (**LKIM**)
- 58 LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (**LPP**)
- 59 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (**FAMA**)
- 60 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (**MADA**)
- 61 YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN
PERTUBUHAN PELADANG MADA (**YP MADA**)
- 62 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (**KADA**)
- 63 INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (**MARDI**)
- 64 LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (**NANAS**)

L KEMENTERIAN KERJA RAYA

- 65 LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (**LLM**)
- 66 LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (**CIDB**)

M KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

- 67 MAJLIS SUKAN NEGARA (**MSN**)
- 68 PERBADANAN STADIUM MERDEKA (**PSM**)
- 69 PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

N KEMENTERIAN PELANCONGAN

- 70 LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (**LPPM**)

O KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

- 71 MAJLIS AMANAH RAKYAT (**MARA**)
- 72 YAYASAN PELAJARAN MARA (**YPM**)
- 73 BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (**BANK RAKYAT**)
- 74 MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA (**MKM**)
- 75 SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (**SKM**)

P KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

- 76 YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (**YTAR**)
- 77 PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (**PTPTN**)
- 78 AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (**MQA**)
- 79 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (**UiTM**)
- 80 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (**UKM**)
- 81 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (**UTM**)
- 82 UNIVERSITI MALAYA (**UM**)
- 83 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (**USM**)
- 84 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (**UPM**)
- 85 PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (**PPUM**)
- 86 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (**UUM**)
- 87 UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (**UNIMAS**)
- 88 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (**UMS**)
- 89 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (**UPSI**)
- 90 UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (**USIM**)
- 91 UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (**UTHM**)
- 92 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (**UTeM**)
- 93 UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (**UMT**)

- 94 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (**UMP**)
- 95 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (**UniMAP**)
- 96 UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA (**UDM**)
- 97 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (**UMK**)
- 98 UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (**UPNM**)

Q KEMENTERIAN PELAJARAN

- 99 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (**DBP**)
- 100 KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU (**KWSG**)
- 101 MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (**MPM**)

R KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- 102 PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (**RISDA**)
- 103 LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (**KETENGAH**)
- 104 LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (**KEDA**)
- 105 LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (**KEJORA**)
- 106 LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (**KESEDAR**)

S KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

- 107 SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (**SSM**)
- 108 PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (**PHIM**)

T KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN

- 109 LEMBAGA AMANAH BALAI SENI LUKIS NEGARA (**SENI LUKIS**)
- 110 PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (**FINAS**)
- 111 PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA (**KRAFTANGAN**)
- 112 AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (**ASWARA**)

U KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

113 PERBADANAN PUTRAJAYA

114 PERBADANAN LABUAN

V KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI115 AKADEMI SAINS MALAYSIA (**ASM**)**W KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

116 PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

X KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI117 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (**SPAN**)**Y KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**118 LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (**LPKM**)**KUMPULAN WANG**

- 1 YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (**YPEIM**)
- 2 KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (**KWAN**)
- 3 AKAUN KEBAJIKAN KAKITANGAN BANK NEGARA MALAYSIA (**SWA**)
- 4 TABUNG AMANAH PENCEN BRITISH-BORNEO (**TAPBB**)
- 5 KUMPULAN WANG JUBLI PERAK PULAU PINANG DAN SEBERANG PRAI (**JUBLI PERAK**)
- 6 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS AM - AWAM (**KWSJIA**)
- 7 AKAUN DEPOSIT INSURANS (**ADI**)
- 8 INDUSTRIAL ADJUSTMENT FUND (**IAF**)
- 9 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS HAYAT (**KWSJIH**)
- 10 KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SABAH (**BALU SABAH**)
- 11 KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SARAWAK (**BALU SARAWAK**)
- 12 MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (**MSWP**)